

Konsep *Al-Ta'dīl Al-Dimnī* Menurut *Al-Ismā'īlī*: Analisis Terhadap Karya *Al-Mu'jam*

[The Concept Of *Al-Ta'dīl Al-Dimnī* According To *Al-Ismā'īlī*: An Analysis Of His Work *Al-Mu'jam*]

Dzulfaidhi Hakimie bin Dzulraidi (Corresponding author)

PhD Candidate, Department of Al-Quran and Al-Hadith, Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, dzuldzulraidi@gmail.com

Article
Progress:

Submission date:
1 Dec 2024
Accepted date:
20 Dec 2024

ABSTRACT

One of the conditions for the acceptance of hadith is the proven integrity of the narrator, which can be achieved through two methods: explicit characterization of the narrator (*al-ta'dīl al-taṣnīhī*) or implicit characterization (*al-ta'dīl al-dimnī*). There are many texts from scholars that show their reliance on *al-ta'dīl al-dimnī*. *Al-Ismā'īlī*, in his book *Mu'jam al-Syuyūkh*, uses *al-ta'dīl al-dimnī* by not commenting on narrators who are considered trustworthy. However, the question arises whether the *al-ta'dīl al-dimnī* applied by *al-Ismā'īlī* can be used as a general reference in the evaluation of hadith narrators. This study is important because it helps clarify the effectiveness and reliability of the *al-ta'dīl al-dimnī* methodology in the evaluation of narrators, which in turn can provide guidance to hadith researchers in more accurately determining the integrity of narrators. Therefore, this study analyzes the narrators who were not commented on by *al-Ismā'īlī* and compares them with the views of other *jarh wa ta'dīl* scholars. The methodology used in this study is a qualitative approach based on document analysis for data collection and content analysis as the data analysis method. The results of the study found that out of the 19 narrators given *al-ta'dīl al-dimnī* by *Al-Ismā'īlī*, 10 were classified as rejected (*mardūd*) while the remaining nine were considered acceptable (*maqbul*). Suggestions for further research include in-depth analysis of *al-Ismā'īlī*'s methodology in implicit evaluation of narrators and the application of the *al-ta'dīl al-dimnī* concept in the works of other scholars, as well as expanding the scope of narrators analyzed to obtain a more comprehensive picture.

Keywords: *al-ta'dīl al-taṣnīhī*, *al-ta'dīl al-dimnī*, *Mu'jam al-Syuyūkh*, *jarh wa ta'dīl*, hadith

PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian mengenai status hadith dan penentuan status perawi merupakan bidang penting dalam ilmu hadith yang sering menimbulkan polemik di kalangan sarjana hadith (Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi et al, 2024). Salah satu isu utama dalam wacana ini adalah berkaitan penentuan status perawi tanpa nas yang jelas daripada para ilmuwan hadith atau disebut sebagai *al-ta'dīl al-dimnī*. *Al-ta'dīl al-dimnī* bermaksud penetapan status tsiqah terhadap perawi tanpa nas yang jelas daripada para ilmuwan *al-jarh wa al-ta'dīl* (Solah Ahmad Muhammad Isa, 2018). Antara bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* adalah apabila seseorang perawi dinilai tsiqah apabila pengarang kitab tidak mengomentari perawi dalam buku biografi yang sebelumnya beliau meletakkan syarat akan menjelaskan kelemahan perawi yang lemah seperti yang dilakukan oleh al-Isma'īlī dalam karya *al-Mu'jam* beliau (Yahya al-Syahrī, 2000).

Menurut Iman Rajab Hamdan Khalil (2024), *al-ta'dīl al-dimnī* digunakan secara meluas oleh para ilmuwan hadith dan ia merupakan salah satu metode penetapan status bagi perawi. Namun begitu, sehingga kini masih terlalu sedikit kajian yang membahaskan mengenai topik ini. Carian daripada pengkalan data *Google Scholar* dengan kunci carian *al-ta'dīl al-dimnī*, *al-tausīq al-dimnī*, *al-dimnī* dan *al-jarh al-dimnī* menunjukkan tiada artikel yang dijumpai.

Kajian terkini pada tahun 2024 oleh Iman Rajab Hamdan Khalil telah menyenaraikan kajian-kajian ilmiah dalam topik ini. Rumusannya adalah seperti berikut:

Jadual 1: Rumusan sorotan literatur kajian *al-ta'dīl al-dimnī*

Bil.	Penulis/Tahun	Tajuk	Penjelasan
1.	Adab Mahmud al-Hamsy (1985)	<i>Al-Imam Muhammad bin Hibbān al-Bustī wa Manhajuhu fī al-Jarh wa al-Ta'dīl</i>	Kajian mengenai metodologi Ibn Hibban dalam penilaian status perawi. Ada memasukkan perbincangan secara tidak langsung mengenai <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> .
2.	Khalid bin Jabir (2008)	<i>Al-Tausīq al-Dimnī 'inda Ibn 'Addī li Syuyū khihi</i>	Kajian mengenai metodologi Ibn 'Addī dalam <i>al-ta'dīl al-dimnī</i>
3.	Yahya bin Abdullah (2000)	<i>Zawā'id Rijāl Sahīh Ibn Hibbān 'ala al-Kutub al-Sittah</i>	Kajian mengenai perawi-perawi <i>Sahīh Ibn Hibban</i> yang terdapat dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>
4.	Muhammad Abd Rabb al-Nabi	<i>Manhaj al-Hāfiz Ibn Abd al-Barr fī al-Jarh wa al-Ta'dīl</i>	Kajian mengenai metodologi Ibn Abd al-Barr dalam <i>al-jarh wa al-ta'dīl</i> .

		<i>min Khilāl Kitābihi al-Tamhīd</i>	Membahaskan secara tidak langsung mengenai <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> .
5.	Sa'ad Ja'far Hammadi (2007)	<i>Tasmiyah Man Lam Yuhaddith illā 'an Tsiqah</i>	Kajian membincangkan mengenai salah satu bentuk <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> iaitu perawi yang dikenali tidak meriwayatkan kecuali daripada <i>tsiqah</i> .
6.	Muhammad Khalaf Salamah	<i>Al-Durar al-Mutanāsīqah fīman Qīla: Innahu lā Yarwī illā 'an Tsiqah</i>	Kajian membincangkan mengenai salah satu bentuk <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> iaitu perawi yang dikenali tidak meriwayatkan kecuali daripada <i>tsiqah</i> .

(Rujukan: Analisis Pengkaji)

Daripada kesemua kajian di atas, belum ada yang membincangkan mengenai konsep *al-ta'dīl al-dimnī* di sisi al-Ismā'īlī. Justeru itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk membahaskan konsep ini dalam konteks metodologi al-Ismā'īlī. Kajian ini penting untuk mendapatkan penjelasan adakah bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* oleh al-Ismā'īlī boleh digunakan sebagai asas rujukan secara langsung atau tidak. Kajian ini juga akan membantu mengisi jurang dalam literatur sedia ada mengenai *al-ta'dīl al-dimnī* dan memberikan panduan yang lebih tepat kepada para penyelidik hadith dalam menentukan status perawi. Signifikansi kajian ini terletak pada sumbangannya kepada bidang ilmu hadith, khususnya dalam aspek kritikan dan penilaian perawi, yang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman dan keabsahan dalam kajian hadith. Dengan adanya kajian ini, para penyelidik hadith akan lebih memahami dan mengaplikasikan konsep *al-ta'dīl al-dimnī* dengan lebih berkesan dan tepat.

Biografi Al-Ismā'īlī

Beliau ialah Ahmad bin Ibrāhīm bin Ismā'il bin Abbās bin Mirdās al-Jurjānī, merupakan seorang ulama Islam yang terkemuka dengan sumbangan yang signifikan dalam bidang hadith (al-Sahmī, 1987). Beliau dilahirkan pada tahun 277 Hijrah dan berasal dari keluarga ulama yang dihormati di Jurjān, sebuah kawasan yang terkenal dengan kehebatan akademiknya (al-Zahabī, 1998). Pembesaran beliau dalam persekitaran yang sangat menghargai ilmu dan ulama telah memainkan peranan penting dalam membentuk perjalanan intelektualnya sejak usia muda (al-Sam'ānī, 1982).

Al-Ismā'īlī telah didedahkan kepada pengajian hadith sejak kecil. Bapa dan datuknya sangat berperanan dalam pendidikan awalnya, sering menghantar beliau ke majlis ilmu dan mendedahkannya kepada pelbagai disiplin ilmu Islam. Pendedahan awal ini telah menyalakan minatnya terhadap pembelajaran dan meletakkan asas bagi usaha ilmiahnya di masa hadapan.

Beliau mula menulis hadith dengan tangannya sendiri seawal usia enam tahun, menunjukkan komitmen dan kepandaianya yang luar biasa pada usia muda (Samer Usāmah, 2019).

Dedikasi al-Ismā'īlī terhadap ilmu mendorongnya untuk melakukan perjalanan yang luas dalam usaha mencari hadith. Perjalanan penting pertamanya adalah pada usia 17 tahun, ketika beliau mengembara bersama bapa saudaranya ke bandar Nasa (al-Ismā'īlī, 1990). Perjalanan ini ditandai dengan saat yang menyentuh hati apabila beliau menerima berita kematian gurunya, Muhammad bin Ayyub al-Razi, yang sangat mempengaruhinya dan menguatkan tekadnya untuk meneruskan pengajiannya walaupun menghadapi kesukaran dalam perjalanan (al-Sahmī, 1987). Selepas perjalanan awal ini, beliau meneruskan perjalanan ilmunya ke Baghdad dan kemudian menunaikan haji ke Mekah, memperluas lagi pengetahuan dan pengalamannya (al-Ismā'īlī, 1990).

Sepanjang perjalanannya, al-Ismā'īlī belajar di bawah ramai ulama terkenal dan mengumpulkan banyak ilmu. Guru-gurunya termasuk tokoh-tokoh terkenal seperti Abū Ja'far Ahmad bin Muhammad al-Khalanjī, Abū Ja'far Ahmad bin Muhammad al-Qaraṭīsī dan Ahmad bin Hasan al-Ṣūfī (al-Khalīlī, 1989; al-Sam'ānī, 1982; al-Zahabī, 1998). Para guru ini sangat mempengaruhi perkembangan intelektualnya dan membantu beliau mencapai pemahaman yang mendalam tentang hadith dan ilmu-ilmu Islam yang lain. Begitu juga beliau mempunyai ramai anak murid sehingga mencapai sejumlah 104 orang (Samer Usāmah, 2019). Antara yang terkenal adalah Ibrāhīm bin Ahmad al-Sammān, Ahmad bin Muhammad al-Harawī, Ahmad bin Muhammad al-Khawārizmī dan sebagainya (al-Ismā'īlī, 1990).

Penulisan al-Ismā'īlī sangat banyak, dan beliau meninggalkan sejumlah besar karya yang terus dihargai (al-Khalīlī, 1989). Antara karyanya yang paling terkenal termasuk *Itiqad A'immat al-Hadith*, *Muḥjam al-Shuyukh*, *al-Faraid*, *al-Awali*, dan *Kitāb Ahādīth al-A'mash*. Karya-karya ini mencerminkan pengetahuan luas dan pemahaman mendalam beliau tentang hadith, fiqh, dan teologi. Reputasi beliau sebagai ulama terkemuka zamannya telah disahkan oleh rakan sezaman dan ulama kemudian. Al-Hākim al-Naysābūrī, seorang sejarawan dan ulama terkenal, menggambarkan beliau sebagai ulama terkemuka pada zamannya dan pakar dalam bidang hadith dan fiqh (Al-Māzin, 2006).

Abū Bakar al-Ismā'īlī meninggal dunia pada hari pertama bulan Rajab tahun 371 Hijrah, pada usia 94 tahun (al-Sahmī, 1987). Kematian beliau menandakan berakhirnya satu kehidupan yang didedikasikan untuk usaha mencari dan menyebarkan ilmu Islam. Sumbangan beliau telah

meninggalkan kesan yang mendalam dalam bidang kajian hadith, dan karya-karyanya terus menjadi sumber rujukan dan inspirasi bagi ulama dan pelajar hingga kini (Al-Zahabī, 1985).

Pengenalan Kitab *Mu'jam Al-Syuyūkh*

Kitab *Mu'jam al-Syuyūkh* merupakan salah satu karya penting yang dihasilkan oleh Abū Bakar al-Ismā'īlī. Nama asal bagi kitab ini adalah *al-Mu'jam fi Usāmī Syuyūkh Abī Bakr al-Ismā'īlī*. Karya ini menjadi asas penilaian para ulama hadith terhadap metodologi beliau dalam *al-Jarh wa al-Ta'dīl* (Samer Usāmah, 2019).

Dalam kitab ini, al-Ismā'īlī telah menyusun nama-nama guru yang beliau pernah berguru, menulis, dan membaca hadith daripada mereka (al-Zarkalī, 2002). Kitab ini disusun mengikut susunan huruf *hijaiyah* (alfabet Arab) untuk memudahkan para pembaca mencari nama guru-guru tersebut. Al-Ismā'īlī memulakan kitab ini dengan nama Ahmad, untuk mengambil keberkatan daripada nama Nabi Muhammad SAW, serta untuk memulakan susunan huruf dengan huruf alif. Al-Ismā'īlī juga menjelaskan bahawa nama Ahmad dan Muhammad merujuk kepada nama yang sama, justeru beliau menyusun nama Muhammad selepas Ahmad dalam kitab ini (al-Ismā'īlī, 1990).

Dalam penyusunan kitab *al-Mu'jam* ini, al-Ismā'īlī menetapkan satu syarat untuk dirinya sendiri iaitu setiap guru yang disebut hanya akan dikaitkan dengan satu hadith sahaja. Mungkin hadith yang disebutkan itu dianggap ganjil, bermanfaat atau disukai. Selain itu, beliau turut mengumpulkan hadith-hadith yang mempunyai faedah tersendiri. Al-Ismā'īlī juga menyatakan keadaan perawi yang dicela melalui hadith-hadith mereka yang terbukti dusta dituduh berdusta, atau keluar daripada golongan ahli hadith kerana kejahilan mereka. Beliau juga ada mengulangi perbincangan mengenai perawi yang sama. Al-Zahabī (1985) menyatakan bahawa al-Ismā'īlī mengumpulkan kira-kira 300 orang perawi dalam karya ini. Namun begitu, Ziyād Muhammad Manṣūr (1990), melakukan analisis dan mendapati al-Ismā'īlī telah menyenaraikan sebanyak 114 orang guru dalam kitabnya ini, di mana beliau membicarakan keadaan 56 perawi daripada mereka. 20 daripadanya dikritik oleh al-Ismā'īlī dengan kritikan yang pelbagai. Selain itu, 35 daripadanya dinilai sebagai adil. Manakala baki perawi-perawi yang lain, mereka dianggap telah diberi pengesahan tsiqah secara tersirat (*al-ta'dīl al-dimnī*).

Kitab ini bukan sahaja menyenaraikan guru-guru al-Ismā'īlī, tetapi juga memberikan pandangan tentang kualiti perawi-perawi tersebut. Ini penting dalam kajian hadith kerana ia membantu para pengkaji dan pelajar hadith untuk memahami metodologi al-Ismā'īlī dalam

menilai perawi dan menentukan keadilan mereka. Kitab *Mu'jam al-Syuyūkh* menjadi rujukan penting dalam ilmu hadith, terutamanya dalam bidang *jarh wa ta'dil* (Samer Usāmah, 2019).

Salah satu ciri yang menonjol dalam kitab ini ialah pendekatan al-Ismā'īlī yang berhati-hati dan teliti dalam menilai setiap perawi. Beliau menekankan pentingnya mengesahkan setiap hadith dan memastikan bahawa perawi-perawi yang tidak dikenali atau diragui kejujurannya ditandai dengan jelas. Pendekatan ini menunjukkan komitmen al-Ismā'īlī terhadap integriti ilmiah dan kepentingan ketelitian dalam kajian hadith (al-Ismā'īlī, 1990).

Secara keseluruhan, *Mu'jam al-Syuyūkh* bukan sahaja merupakan sumbangan besar al-Ismā'īlī dalam bidang hadith, tetapi juga menunjukkan metodologi kritikal dan sistematik yang beliau gunakan dalam menilai perawi. Karya ini memberikan panduan yang berharga bagi para pengkaji hadith dalam memahami bagaimana penilaian perawi dilakukan dan kepentingan pendekatan yang berintegriti dan teliti dalam kajian hadith. Melalui karya ini, al-Ismā'īlī telah meninggalkan warisan ilmiah yang terus dihargai dan dijadikan rujukan oleh para ulama dan pelajar hadith hingga ke hari ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, pendekatan kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam, seperti mengkaji konsep *al-ta'dil al-dimnī* dalam penilaian perawi hadith oleh al-Ismā'īlī (Mohd Awang Idris et. al. 2018).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder untuk mengenal pasti konsep *al-ta'dil al-dimnī* dan aplikasinya terhadap penilaian perawi di dalam kitab *Mu'jam al-Syuyūkh* karya al-Ismaili. Selain itu, kajian ini juga akan mengumpulkan data mengenai pandangan ulama *jarh wa ta'dil* terhadap perawi-perawi yang didiamkan oleh al-Ismā'īlī dalam kitabnya. Sumber-sumber yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku dalam format PDF, dan perpustakaan digital seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *al-ta'dil al-dimnī* oleh para ilmuwan konvensional dan kontemporari. Selain itu, konsep sebenar perawi yang didiamkan juga akan dijelaskan

berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, kesinambungan konsep *al-ta'dīl al-dinnī* dalam penilaian perawi akan dianalisis melalui perbandingan pandangan ulama jarh wa ta'dīl terhadap perawi-perawi yang dinilai oleh al-Ismā'īlī. Analisis ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keandalan metodologi *al-ta'dīl al-dinnī* yang digunakan oleh al-Ismā'īlī dan sama ada ia boleh dijadikan asas rujukan secara umum dalam penilaian perawi hadith.

Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang metodologi penilaian perawi yang tidak disebutkan secara eksplisit dan memberikan panduan yang berharga kepada para pengkaji hadith dalam menentukan keadilan perawi secara lebih tepat.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Konsep Asas Ilmu Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl

Ilmu usul hadith merupakan salah satu cabang ilmu yang mengkaji aspek teknikal sanad atau kebiasaannya disebut sebagai ilmu yang mengandungi kaedah-kaedah untuk mengenal status sanad dan matan sesebuah hadith (Muhammad bin Alawi 2003). Antara cabang subjek utama dalam usul hadith merupakan ilmu *al-jarh wa al-ta'dīl* iaitu satu cabang ilmu yang mengumpulkan kaedah-kaedah untuk mengenal perawi yang diterima riwayatnya dan tidak (Syarif Hatim al-Awni 2002).

Al-jarh daripada sudut bahasa merupakan kata terbitan (masdar) daripada kalimah *Jaraha* - *Yajrahu* - *Jarhan* (جَرَحَ - يَجْرَحُ - جَرَحًا) yang bermaksud luka (Muhammad Mukrim 1994).

Menurut Murtadha al-Husaini (2001), sebahagian tokoh bahasa membezakan definisinya apabila kalimah ini dibaca dengan baris yang berbeza. Sekiranya ia dibaca dengan baris *dhammah* (*al-Jurh*) bermaksud luka yang disebabkan oleh perkara fizikal seperti pisau, pedang dan sebagainya. Manakala sekiranya ia dibaca dengan *fathah* (*al-Jarh*) ia memberi maksud luka yang disebabkan oleh perkara bukan fizikal seperti perkataan. Daripada sudut istilah, Abdul Azīz Abdul Latīf (2017) mendefinisikan *al-Jarh* sebagai kritikan terhadap perawi yang menyebabkan status periwayatannya berubah.

Sementara itu, *al-ta'dīl* menurut bahasa memberi pengertian *al-taswīyah* iaitu sesuatu yang lurus atau perbuatan untuk meluruskan sesuatu dan membandingkannya dengan perkara-perkara yang lain (Muhammad 2010). Di sisi para ulama hadith, mereka mengertikannya sebagai

pujian terhadap perawi yang menyebabkan riwayat mereka diterima (Muhammad Sulaiman 1986). Abdul 'Azīz Abdul Latīf (2017) menyebutkan walaupun secara bahasanya *al-ta'dīl* memberi pengertian pujian dalam isu-isu berkaitan keadilan, akan tetapi penggunaan di sisi para ulama hadith lebih umum iaitu apa-apa aspek yang mempengaruhi penerimaan hadith termasuk dalam bab kejujuran, sifat amanah, kekuatan hafalan dan sebagainya.

Al-jarh dan *al-ta'dīl* terhadap perawi dapat dilihat daripada empat sudut utama, iaitu kritikan terhadap perawi dari aspek keadilan, hafalan, identiti dan kritikan yang tidak berkaitan secara langsung dengan keadilan dan hafalan perawi tersebut. Pertama, dari sudut keadilan, para muhaddithīn telah menetapkan lima syarat utama bagi menilai seseorang perawi sebagai seorang yang adil. Syarat-syarat tersebut termasuklah: (1) beragama Islam, (2) telah mencapai umur baligh, (3) berakal, (4) tidak melakukan perbuatan yang menyebabkan dia dilabelkan sebagai fasik, dan (5) tidak terlibat dalam perbuatan yang boleh merendahkan maruahnyanya. Sekiranya seseorang perawi memenuhi kesemua syarat ini, dia layak untuk dikategorikan sebagai seorang yang adil (Al-Munāwī, 1999).

Kedua, dalam aspek hafalan, para ulama menekankan bahawa riwayat perawi tersebut mestilah tidak bercanggah dengan riwayat perawi tsiqah yang lain. Sekiranya didapati bahawa banyak riwayat perawi tersebut bercanggah dengan riwayat perawi tsiqah yang lain, para ulama akan menilai bahawa perawi tersebut tidak mempunyai hafalan yang kuat atau tidak dhābit. Malah, dalam kes yang lebih serius, riwayat perawi tersebut boleh ditolak sepenuhnya jika terdapat banyak percanggahan dengan riwayat perawi tsiqah yang lain (Al-Syahrāzūnī, 1986). Ketiga, masalah yang berkait identiti perawi iaitu perawi tidak dikenali atau terlalu sedikit periwayatannya sehingga menyebabkan para ulama hadith tidak mengeluarkan status mengenainya (Al-Sakhāwī, 1993).

Keempat, terdapat juga aspek yang tidak berkait secara langsung dengan keadilan dan dhābit perawi tetapi tetap memberi kesan terhadap statusnya sebagai seorang perawi. Salah satu isu yang sering menjadi perhatian adalah apabila perawi tidak melakukan penapisan terhadap riwayatnya. Sekiranya perawi tersebut kerap kali gagal menapis riwayatnya, maka ia berisiko mendapat kritikan dan diragui kebolehpercayaannya sebagai seorang perawi hadith. Sebagai contoh, Abdullah bin Mubārak pernah memberikan kritikan terhadap perawi yang tidak menapis guru-gurunya (Muslim, 1955).

Konsep *Al-Ta'dīl Al-Dimnī*

Dalam bahasa, perkataan *al-Dimnī* berasal daripada akar kata *al-dimn* yang bermaksud di dalam sesuatu atau kandungannya. Menurut al-Jauharī (1987) antara ayat yang biasa digunakan untuk perkataan ini adalah مَا تَضَمَّنَهُ كِتَابُكَ iaitu saya memahami apa yang terkandung dalam buku anda bermaksud apa yang termasuk di dalamnya. Ibn al-Athīr (1979) menjelaskan bahawa bermaksud tidak menjualnya dalam bentuk pengukuran yang ditentukan, kerana ia termasuk dalam kandungan yang dijual. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh para ulama bahasa yang lain (Solāh Muhammad, 2018).

Definisi *al-ta'dīl al-dimnī* tidak ditemui dalam karya usuliyīn (pakar usul), namun digunakan oleh para *muhadithīn* (ahli hadith) dalam perbahasan mereka. Mereka telah mencipta istilah ini serupa dengan *al-ta'dīl al-ṣaīh* (penetapan tsiqah secara jelas), dan menjelaskan maknanya dengan mendalam. *Al-ta'dīl al-dimnī* boleh difahami sebagai penetapan tsiqah terhadap perawi tanpa sebarang lafaz yang jelas, sebaliknya berdasarkan indikasi yang terdapat dalam kandungan teks.

Istilah *al-ta'dīl al-dimnī* digunakan untuk merujuk kepada penetapan tsiqah secara tidak langsung, berbeza dengan *al-taṣwīq al-dimnī* yang digunakan oleh *usuliyīn*. Penggunaan istilah ini penting dalam konteks ilmu hadith kerana ia melibatkan penilaian terhadap perawi berdasarkan kandungan atau konteks yang tersirat dalam riwayat tanpa menyebut secara jelas status perawi tersebut

Peranan *al-Ta'dīl al-Dimnī*

Al-ta'dīl al-dimnī mempunyai peranan yang besar dalam menentukan status seseorang perawi. Abdul 'Azīz bin Abdul Latīf (2017) menyatakan bahawa *al-ta'dīl al-dimnī* berperanan sebagai salah satu panduan untuk diikuti apabila berlaku percanggahan antara tokoh mengenai seorang perawi sama ada dikritik atau dipuji (Abdul 'Azīz, 2017). Beliau memberi contoh satu bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* iaitu perawi dikeluarkan riwayatnya oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam *Sahīh* mereka. Menurut beliau, walaupun berlaku perbezaan pendapat antara tokoh-tokoh hadith mengenai perawi tersebut, kewujudan namanya sebagai perawi hadith hujah dalam *Sahīh al-Bukhārī* atau *Sahīh Muslim* menunjukkan mereka *menta'dīl* beliau walaupun tanpa nas yang jelas. Perkara ini turut disokong oleh Khālīd bin Jābir (2008) dengan menambah banyak sangat banyak rujukan daripada perkataan para ulama hadith yang menunjukkan mereka menggunakan

al-ta'dīl al-dimnī untuk asas yang sama. Dalam masa yang sama, *al-ta'dīl al-dimnī* berperanan menetapkan status perawi yang tidak diketahui identitinya (*majhūl*). Antara contoh jelas berkaitan isu ini adalah pertanyaan Abū Dāwud kepada Ahmad bin Hanbal:

إذا روى يحيى أو عبد الرحمن بن مهدي عن رجل مجهول، يُحتج بحديثه؟ قال: يُحتج بحديثه.

Terjemahan:

”Sekiranya Yahyā atau Abdul Rahman bin Mahdī meriwayatkan daripada perawi *majhūl*, adakah boleh berhujah dengan hadith perawi tersebut? Jawab Ahmad: Boleh berhujah dengan hadithnya”. (Abdullah bin Ahmad, 1994).

Nas di atas menunjukkan bahawa periwayatan daripada Yahyā bin Ma’īn dan Abdul Rahman bin Mahdī daripada seseorang perawi yang tidak dikenali cukup memberi bukti penilaian *ta'dīl* kepada beliau. Hal ini berikutan kedua-dua tokoh di atas dikenali tidak meriwayatkan kecuali daripada perawi *tsiqah*. Ini juga merupakan salah satu bentuk *al-ta'dīl al-dimnī*. Menurut Solāh Muhammad (2018), *al-ta'dīl al-dimnī* bukan sahaja diperakui oleh para ulama hadith, bahkan turut digunakan oleh cabang ilmu yang lain seperti *usūl al-fiqh*. Al-Juwainī (1997), seorang tokoh *usūl fiqh* menyatakan bahawa *al-ta'dīl* dan *al-jarh* terbahagi kepada dua bentuk. Pertama *al-taṣnīf* manakala kedua *al-dimnī*. Perkara ini disokong oleh tokoh *usūl al-fiqh* yang lain seperti al-Zarkasyī dan Ibn al-Munīr (al-Juwainī, 1997). Hal ini membuktikan bahawa *al-ta'dīl al-dimnī* mempunyai peranan yang besar dalam lapangan hadith.

Namun begitu, menurut Solāh Muhammad (2018), *al-ta'dīl al-taṣnīfī* tetap diutamakan berbanding *al-ta'dīl al-dimnī* dalam apa-apa keadaan. Seperti contoh sekiranya seorang tokoh mengeluarkan kritikan yang jelas terhadap perawi, kemudian terdapat tokoh lain yang *menta'dīl* perawi secara *dimnī*, justeru kritikan itu lebih diutamakan. Oleh yang demikian, Khālid bin Jābir (2008) menetapkan beberapa syarat untuk mengamalkan *al-ta'dīl al-dimnī*. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 2: Syarat Menggunakan *al-Ta'dīl al-Dimnī*

No.	Syarat	Penjelasan
1.	Tokoh yang meletakkan <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> tidak mengubah pandangannya.	Tokoh yang menetapkan <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> tidak menolak periwayatan perawi tersebut. Jika ada penolakan atau keraguan

		terhadap perawi tersebut, maka penetapan <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> dianggap tidak berlaku.
2.	Tidak Terkenal dengan Kelemahan	Perawi yang ditetapkan tsiqah secara <i>dimnī</i> tidak boleh terkenal dengan kelemahan atau kritik yang kuat. Jika perawi terkenal dengan kelemahannya, maka penetapan tsiqah secara <i>dimnī</i> tidak dapat diterima.
3.	Ijma' atau Kesepakatan Ulama Hadith	Tiada kesepakatan daripada para ulama hadith mengenai status perawi. Sekiranya telah ada, justeru <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> tidak boleh digunakan.
4.	Tidak Ada Bukti yang Menolak Tsiqah	Tidak boleh ada bukti yang kuat atau keraguan besar yang menolak status tsiqah perawi tersebut. Jika ada bukti yang menolak, maka tidak boleh menggunakan <i>al-ta'dīl al-dimnī</i> .
5.	Pengetahuan dan Perawi yang Layak	Perawi yang meriwayatkan dari seorang perawi yang tidak jelas tsiqahnya perlu memiliki pengetahuan yang cukup dan boleh dipercayai, serta periwayatannya harus melalui perawi yang layak atau tsiqah.
6.	Berhati-hati dalam Penetapan	Jika terdapat keraguan terhadap tsiqah seorang perawi melalui penetapan tsiqah secara tidak langsung, maka perlu bersikap berhati-hati dan tidak menggunakannya sebagai hujah tanpa pengesahan yang lebih mendalam.

(Rujukan: Khālid bin Jābir, 2008)

Kesimpulannya, *al-ta'dīl al-dimnī* memainkan peranan penting dalam menentukan status seseorang perawi, khususnya apabila terdapat percanggahan pandangan antara ulama mengenai kedudukan perawi tersebut. Walaupun *al-ta'dīl al-dimnī* diterima dan digunakan oleh para ulama hadith serta disiplin ilmu lain seperti usūl al-fiqh, ia tetap dianggap sebagai pendekatan sekunder berbanding *al-ta'dīl al-taṣnīfī* yang lebih jelas dan tegas. Oleh itu, dalam apa-apa keadaan, apabila terdapat kritikan yang jelas terhadap perawi, ia hendaklah diutamakan berbanding penetapan *al-ta'dīl al-dimnī*, dan penggunaannya harus disertai dengan syarat-syarat ketat untuk memastikan ketepatan dalam penilaian status perawi.

Bentuk-Bentuk *al-Ta'dīl al-Dimnī*

Yahyā al-Syahrī (2001) dalam kajiannya telah mengeluarkan sebanyak lapan bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* yang kerap digunakan oleh para *muhaddithīn*. Perkara ini disokong oleh Khālid bin Jābir dan beliau seterusnya menambah tiga lagi bentuk menurut pandangan dan kajiannya. Ringkasan kesemua 11 bentuk-bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* adalah seperti berikut:

Jadual 3: Bentuk-bentuk al-Ta'dīl al-Dimnī

No.	Bentuk <i>Al-Ta'dil Al-Dimni</i>	Penjelasan
1	Para pengarang kitab <i>Sahih</i> mengeluarkan riwayat perawi	Perawi yang dikeluarkan riwayatnya dalam kitab Sahih oleh ulama seperti al-Bukhārī atau Muslim dianggap tsiqah secara tidak langsung.
2	Tokoh hadith mensahihkan hadith perawi.	Pengesahan status sahih bagi hadith perawi menjadikannya tsiqah.
3	Perawi-perawi <i>Sahih Ibn Hibbān</i>	Perawi yang hadithnya dimasukkan dalam <i>Sahih Ibn Hibban</i> dianggap tsiqah.
4	Riwayat daripada perawi yang hanya meriwayatkan daripada orang tsiqah	Jika perawi yang terkenal hanya meriwayatkan daripada orang tsiqah, maka perawi tersebut dianggap tsiqah secara tidak langsung.
5	Riwayat oleh seorang hāfiz daripada perawi	Hāfiz yang meriwayatkan daripada perawi lain dianggap tsiqah.
6	Penilaian oleh Umar bin Abd 'Azīz	Individu yang dinilai adil oleh Umar bin Abd 'Azīz sepanjang pentadibirannya dianggap tsiqah.
7	Guru-guru al-'Uqaylī, Ibn Hibbān dan Ibn 'Addī yang tidak disebut dalam kitab al-Dhu'afā'	Jika perawi tidak disebut dalam kitab <i>Al-Dhu'afā'</i> , maka perawi tersebut dianggap tsiqah.
8	Guru al-Ismā'īlī yang tidak diberikan komentar dalam <i>Muḥjam al-Syuyūkh</i>	Perawi yang tidak dibahaskan dalam <i>Muḥjam al-Shuyukh</i> oleh al-Ismā'īlī dianggap tsiqah.
9	Para pengarang kitab <i>al-Mustakhrajāt</i> mengeluarkan riwayat perawi.	Jika hadith perawi dikeluarkan daripada kitab <i>al-Mustakhrajāt</i> untuk dijadikan hujah, perawi tersebut dianggap tsiqah.
10	Amalan ulama dengan hadith perawi tersebut	Penggunaan dan penerimaan hadith perawi oleh ulama sebagai hujah menjadikannya tsiqah.

Kesemua 11 bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* yang telah dikenalpasti ini menunjukkan kepelbagaian cara yang digunakan oleh para *muhaddithīn* dalam menetapkan status tsiqah perawi secara tidak langsung. Bentuk-bentuk ini mencerminkan keupayaan para ulama hadith dalam menilai kredibiliti perawi melalui pelbagai pendekatan, termasuk melalui periwayatan dalam kitab-kitab Sahih, pengesahan oleh tokoh hadith, serta penilaian oleh tokoh-tokoh besar seperti Umar bin Abd al-Azīz. Walaupun *al-ta'dīl al-dimnī* berperanan penting dalam menilai tsiqah perawi, ia tetap memerlukan kehati-hatian dan tidak boleh dijadikan sandaran utama tanpa kajian dan pengesahan yang mendalam.

Justeru itu, kajian seterusnya akan membahaskan secara khusus mengenai bentuk kelapan dan menganalisis perawi-perawi yang dimasukkan oleh al-Isma'ili dalam al-Mu'jam beliau tanpa sebarang komentar.

Analisis Guru-Guru Abū Bakr Al-Isma'ili

Menurut Kajian mengenalpasti sejumlah 19 orang perawi dikeluarkan oleh al-Isma'ili tanpa sebarang komentar. Mengikut kepada apa yang telah disebutkan di atas, perawi-perawi ini dinilai tsiqah oleh al-Isma'ili secara *al-ta'dil al-dimni*. Al-Zahabi telah menjelaskan sedemikian (Ibn Hajar al-'Asqalani 2008). Justeru kajian mengeluarkan rumusan kesemua perawi tersebut dan membandingkan dengan penilaian tokoh-tokoh *al-jarh wa al-ta'dil* yang lain. Cetakan yang menjadi rujukan utama bagi kajian ini adalah daripada *Maktabah al-'Ulum wa al-Hakam* tahkik Ziyad Muhammad Mansur. Hal ini berikutan ia terdapat dalam pengkalan data atas talian *al-Maktabah al-Syamilah* justeru lebih memudahkan untuk ulang rujuk. Kesemua perawi juga diletakkan dengan penomboran kos agar memudahkan perbincangan analisis. Rumusan kesemua perawi adalah seperti berikut:

Jadual 4: Rumusan taburan status perawi


Bil.	Nama Perawi	Pandangan Tokoh Lain	Lafaz <i>al-Jarh wa al-Ta'dil</i>	Kesimpulan
A1	Muhammad bin Ali bin Uthman bin Hamzah bin Abdullah	Al-Hakim Naysaburi	al- <i>Rawā al-'ajīb</i>	<i>Dhaif</i>
A2	Muhammad bin Uthman Abū Suwaid	Ibn 'Addi	<i>Haddatha bi hadīth yutāba' alaih</i>	<i>Tsiqah bersyarat</i>
A3	Abū al-Hasan Ali bin Sarrāj al-Misri	Al-Dāraquṭnī	<i>Yasyrib muskir</i>	<i>Tsiqah</i>
A4	Abū Bakar Muhammad bin al-Hasan bin Abū Hamzah al-Balakhī	Ibn Hibbān	<i>Yazinu bi al-syirāb</i>	<i>Tsiqah</i>
A5	Abū al-'Abbās bin Masrūq	Al-Dāraquṭnī	<i>Laysa bi al-qawī</i>	<i>Dhaif</i>
A6	Abū Bakar Muhammad bin al-Husain bin Syahriyār al-Qaṭṭān	Abū Ahmad Jurjānī	<i>Laya bihi ba's</i>	<i>Tsiqah</i>

A7	Muhammad bin Sahl bin Abdul Rahman al-‘Aṭṭār	Al-Dāraquṭnī		<i>Yada’ al-hadīth</i>	<i>Matrūk</i>
A8	Muhammad bin Hibbān bin al-Azhar al-Qaṭṭān	Ibn Mundah		<i>Dha’if</i>	<i>Maqbūl</i>
A9	Muhammad bin Abdul Salām al-Sulamī	Ibn ‘Addī		<i>Tsiqah</i>	<i>Tsiqah</i>
A10	Muhammad bin Nukird al-Istirābāzī	Al-Zahabī		<i>Tsiqah</i>	<i>Maqbūl</i>
A11	Muhammad bin Hārūn bin ‘Īsā	Al-Khaṭīb Baghdādī	al-	<i>Rawa manākir</i>	<i>Matrūk</i>
A12	Muhammad bin al-Hasan bin Samā’ah	Al-Dāraquṭnī		<i>Laysa bi al-qawī</i>	<i>Maqbūl</i>
A13	Ismā’il bin Muhammad al-Muzanī	Al-Dāraquṭnī		<i>Kazzāb</i>	<i>Matrūk</i>
A14	Ja’far bin Muhammad al-Ziyādī	Al-Dāraquṭnī		<i>Dha’if</i>	<i>Dhaif</i>
A15	Hamzah bin Dāwud al-Tsaqafī	Al-Dāraquṭnī		<i>Dha’if</i>	<i>Dhaif</i>
A16	Khālīd bin Ghassān bin Mālik	Ibn ‘Addī		<i>Sāriq al-hadīth</i>	<i>Matrūk</i>
A17	Abdullah bin Hafṣ	Al-Khaṭīb Baghdādī	al-	<i>Kazzāb</i>	<i>Kazzāb</i>
A18	Abdullah bin Yahyā	Ibn ‘Addī, al-Hākim al-Naysābūrī & al-Zahabī	al-	<i>Hasan al-hadīth</i>	<i>Maqbūl</i>
A19	Abdul Rahman bin Quraishy	Al-Khaṭīb Baghdādī	al-	<i>Muttaham al-kazib</i>	<i>Dhaif</i>

Berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas kesemua 19 orang perawi, hasil kajian mendapati sebanyak sembilan perawi berada dalam kedudukan diterima riwayatnya. Namun begitu para perawi tersebut berada dalam tingkatan yang berbeza. Empat daripada perawi yang diterima ini dinilai sebagai *tsiqah* manakala baki lima perawi berada dalam tingkatan *maqbūl* iaitu diterima riwayatnya sekiranya terdapat sokongan daripada riwayat-riwayat yang lain. Hasil analisis juga mendapati 10 perawi berada dalam kedudukan ditolak riwayatnya. Lima daripada 10 perawi tersebut dinilai sebagai *dhaif* sahaja manakala baki dikritik dengan kritikan yang lebih teruk sehingga ada yang dinilai sebagai *kazzāb* iaitu A17.

Kajian seterusnya mengeluarkan statistik perawi agar dapatan kajian lebih jelas dan mudah difahami. Rujuk statistik di bawah:

Jadual 5: Statistik Status Perawi



Hasil kajian mendapati daripada kesemua 19 orang perawi yang tidak diletakkan komentar oleh al-Ismā'īlī, sebahagian besar daripadanya dinilai sebagai perawi yang *dhaif* manakala sebahagian yang lain selari dengan pandangan para tokoh ahli *al-jarh wa al-ta'dīl* yang lain. Justeru demikian, kajian merumuskan bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* oleh al-Ismā'īlī tidak boleh digunakan secara sembarono bahkan perlu dijalankan ulang rujuk dengan pandangan tokoh-tokoh yang lain. Hal ini dibuktikan dengan kenyataan terdapat perawi pemalsu hadith yang tidak diberikan komentar oleh al-Ismā'īlī sendiri.

Justeru itu, kajian telah menjawab objektif penulisan iaitu untuk melakukan analisis sama ada *al-ta'dīl al-dimnī* daripada al-Ismā'īlī boleh dijadikan asas rujukan secara langsung ataupun tidak.

KESIMPULAN

Kajian ini mendalami konsep *al-ta'dīl al-dimnī* sebagaimana diaplikasikan oleh al-Ismā'īlī dalam karya beliau, *al-Mujam*. Penelitian ini mengesahkan bahawa *al-ta'dīl al-dimnī*, iaitu penetapan tsiqah perawi tanpa nas yang jelas, digunakan oleh al-Ismā'īlī dengan tidak mengomentari perawi yang beliau anggap tsiqah. Namun, hasil analisis mendapati bahawa daripada 19 perawi yang

tidak dikomentari oleh al-Isma'ili, 10 daripadanya berada dalam kategori *mardūd* (ditolak), manakala sembilan lagi dianggap *maqbul* (diterima).

Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun *al-ta'dīl al-dimnī* mempunyai peranan dalam penilaian perawi, ia tidak boleh dijadikan asas rujukan secara mutlak tanpa kajian tambahan. Penggunaan *al-ta'dīl al-dimnī* memerlukan kehati-hatian dan harus disertai dengan rujukan kepada pandangan ulama lain serta penelitian yang mendalam. Kajian ini memberi panduan bahawa walaupun metodologi al-Isma'ili mempunyai kelebihan, ia perlu diterokai dengan teliti sebelum diaplikasi secara menyeluruh dalam penilaian status perawi hadith.

Justeru itu, kajian mencadangkan kajian lanjutan dijalankan berkenaan bentuk-bentuk *al-ta'dīl al-dimnī* yang lain dengan objektif yang sama iaitu sama ada ia boleh dijadikan asas rujukan secara langsung atau tidak. Hal ini bakal memberikan nafas baru dan menyemarakkan lapangan akademik hadith khususnya di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bin Abdul Latif. (2017). *Dhawābit al-Jarh wa Ta'dīl* (Cetakan ke-6). Madinah: Dār Tayyibah al Khudarā'.
- Abdullah bin Ahmad. (1994). *Su'ālāt Abū Dāwud li al-Imām Ahmad*. Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.
- Abū Bakr al-Isma'ili. (1990). *Kitāb al-Mu'jam fi Usāmī Syuyūkh Abī Bakr al-Isma'īlī*. Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.
- Al-Jauharī, I. H. (1987). *Al-Ṣihāh Tāj al-Lughah wa Ṣihāh al-'Arabiyyah*. Beirut: Dār al-'Ilm lil al-Malāyyīn.
- Al-Juwainī, A. M. A. (1997). *Al-Burhān fi Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khalīlī, K. A. (1989). *Al-Irsyād fi Ma'rifah 'Ulamā al-Hadīth*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Munawi, M. A. (1999). *Al-Yawaqit wa al-Durar fi Syarah Nukhbah Ibn Hajar*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Sakhawī, S. M. (1993). *Fath al-Mugith Syarah Alfiyyah al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Al-Sam'ānī, A. K. M. (1982). *Al-Ansāb*. India: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah.
- Al-Syahrāzuri, A. A. (1986). *'Ulum al-Hadith*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Zahabī, M. A. (1985). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Zahabī, M. A. (1998). *Tazkirah al-Huffāz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkalī, K. M. (2002). *Al-'A'lām*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyyīn.
- Dzulraidi, D. H., Mohd Ithnin, N. K., Amat Famsir @ Amat Tamsir, M. T., & Ayub, D. H. (2024). Konsep Qarā'in Al-Tarjīh dalam Pensabitan Samā': Kajian Terhadap Muqarrar Al-Takhrīj Karya Ḥātim Al-'Awnī: The Concept of Qarā'in Al-Tarjīh in Authenticating Samā': A Study on Muqarrar Al-Takhrīj by Ḥātim Al-'Awnī. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 3(1), 169–196. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/67>
- Hamzah Yūsof al-Sahmī. (1987). *Tārikh Jurjān*. Beirut: 'Ālam al-Kutub.
- Ibn al-Athīr, M. M. (1979). *Al-Nihāyah fi Ghā'ib al-Hadīth wa al-Athar*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqallānī. (2008). *Lisān al-Mīzān*. Beirut: Maktabah Beirūt.
- Imān Rajab Hamdān. (2024). *Al-Tausīq al-Dimmī wa Atharuhu fi Ta'dīl al-Ruwāh*. Azhar: Dār al-Zakhāir.
- Māzin bin Abdul Rahman. (2006). *Tārikh Naysābur*. Beirut: Dār al-Basyāir al-Islāmiyyah.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, & Zirwatul Aida R. Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Bin 'Alawi. (2003). *Al-Qawā'id al-Asāsiyah fi Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Hāwī.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Sulaim. (2010). *Al-Wasīth fi Ulūmi wa Mustalah al Hadīth*. Dār Fikr al 'Arabī.
- Muhammad Bin Mukrim. (1994). *Lisān al 'Arab*. Beirut: Dār al Šadir.
- Muhammad Bin Sulaimān. (1986). *Al-Mukhtasar fi 'Ilmi al Rijāl*. Maktabah al Rusyd.

Muhammad Murtadha al Husaini. (2001). *Tāj al-‘Arūs*. Dār Ihyā’ al Turāth.

Muslim Bin al Hajjāj. (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba’ah Īsa al Bābī.

Samer Usāmah Ibrāhīm. (2019). *Al-Imām Abū Bakr al-Isnā ‘īl wa Manhajuhu fī al-Jarh wa al-Ta’dīl* (Disertasi Sarjana, Universiti Gaza).

Solāh Ahmad Muhammad Isa. (2018). Al-Ta’dīl al-Dimnī ‘inda al-Muhaddithīn wa al-Uṣūliyyīn. *Majallah Kuliyyah Uṣūl al-Dīn wa al-Da’wah*, 38(1).

Syarīf Hātim al-‘Awnī. (2002). *Khulāṣah al-Ta’sīl li ‘Ilmi al-Jarh wa al-Ta’dīl*. Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawāid.